

# KUIM



## LAPORAN TAHUNAN 2000



*Kolej* UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا

ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA



Kolej UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA  
جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا  
ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA

Lot 1363, Jalan Perkasa, Off Jalan Kampung Pandan, 55100 Kuala Lumpur  
Tel : +(603) 983 2244 Fax : +(603) 983 2737  
Laman web : [www.kuim.edu.my](http://www.kuim.edu.my)

# KANDUNGAN



|   |           |
|---|-----------|
| <b>Logo KUIM</b>  | <b>2</b>  |
| Profil Korporat   | 3         |
| <b>Struktur Organisasi</b>                                | <b>4</b>  |
| Struktur Pengurusan                                       | 5         |
| <b>Lembaga Pengarah</b>                                   | <b>6</b>  |
| Pengurusan  | 7         |
| <b>Perutusan Rektor</b>                                   | <b>8</b>  |
| Hal-ehwal Akademik  | 13        |
| <b>Hal-ehwal Pelajar</b>                                  | <b>20</b> |
| Hal-ehwal Pembangunan<br>dan Pengurusan Sumber<br>Manusia | 25        |
| <b>Hal-ehwal Perkhidmatan</b>                             | <b>28</b> |
| Hal-ehwal Pembangunan<br>dan Prasarana Fizikal            | 30        |
| <b>Teknologi Maklumat</b>                                 | <b>32</b> |
| Perpustakaan  | 35        |
| <b>Perhubungan Luar</b>                                   | <b>36</b> |
| Penyata Kewangan<br>KUIM 2000<br>(Yang Belum Di Audit)    | 37        |

## LOGO KUIM



### Rehal

TULISAN 'KUIM' (*Kolej* Universiti Islam Malaysia) diringkaskan dan dibentuk menjadi sebuah rehal yang membawa maksud landasan atau pelantar. Pelantar atau landasan ini melambangkan *Kolej* Universiti Islam Malaysia sebagai wadah penyampaian ilmu kepada pelajar-pelajarnya.

### Kubah

KUBAH yang terletak di tengah tengah logo melambangkan sebuah institusi Islam yang berdaulat dalam menyampaikan ilmu-ilmu Islam.


### Arabes

KELIMA-LIMA motif Arabes yang terletak di bawah kubah, setiap satunya membawa maksud satu rukun Islam.

### Litar

LITAR yang terletak bersebelahan tulisan KUIM pula bermaksud sains dan teknologi yang dibawa bersama dalam menyampaikan ilmunya.

Secara keseluruhan logo ini menunjukkan *Kolej* Universiti Islam Malaysia sebagai sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang membawa bersama dasar-dasar Islam dalam menyampaikan ilmu kepada penuntut-penuntutnya.



## Moto

"Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa"

## Falsafah

"Paduan antara Ilmu Naqli dan Akli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu"

## Wawasan (Visi)

Memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insan yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat, negara dan dunia sejagat.

## Misi

Bertekad menjadi sebuah institusi ilmu yang terkehadapan dalam bidang pengajian Islam yang menggunakan teknologi terkini bagi menyelesaikan isu-isu semasa yang berkaitan dengan masyarakat dan Islam.

## Objektif

1. Memartabatkan Pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara.
2. Membina kesepaduan antara teori dan amali dalam diri setiap mahasiswa yang dikeluarkan.
3. Melahirkan ilmuan Islam yang berpendidikan sepadu mampu memimpin masyarakat majmuk serta mempunyai potensi yang tinggi untuk menerajui pembangunan negara.
4. Meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang unggul bersesuaian dengan persekitaran dan teknologi terkini.
5. Membekalkan tenaga kerja yang kukuh dengan penghayatan nilai-nilai Islam, mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan berkesan dalam masyarakat.




# STRUKTUR ORGANISASI




## LEMBAGA PENGARAH *Kolej* UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA



## PENGURUSAN *Kolej* UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA



# STRUKTUR PENGURUSAN





## Pengerusi

---

**Y. Bhg Dato' Dr. Mohamed Yusof Mohd. Noor**  
SPMT, DSSA, JMN, PPT, M.A. (al-Azhar),  
Dip. Pend (Ain Shams), Ph.D (Cairo)

## Ahli-ahli:

---

**Y. Bhg Prof Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin**  
DIMP, JSM, al-Aliya, M.A., Ph.D (al-Azhar),  
Dip. Pend (Ain Shams)

**Prof Dr. Hassan Said**  
DJN, JMN, B.Sc. (Manchester), M.Sc. (Brunel),  
Ph.D (Brunel)

**Y. Bhg Dato' Dr. Abdul Latiff Awang**  
DPMT, KMN, PKT, PJK, B.Sc. (Gajah Mada),  
M.Sc.(Essex) Ph.D (Essex)

**Y. Bhg Dato' Ahmad Mohd Zawawi Salleh**  
DSSA, L.L.B (Hons) Malaya L.L.M (Bristol)

**Y. Bhg Dato' Ahmad Tajudin Abdul Rahman**  
DSDK, B.Ec. (Malaya)

**Y. Bhg Dr. Abdul Rahim Awang Kechik**  
B.A Hons Ed (USM), Dip. Peng. Awam  
(INTAN),Dip.B.A (Birmingham), M.B.A  
(Wales), Ph.D (USM)

**Y. Bhg Dato' Syed Amin Aljeffri**  
DSSA, BKM, AMN, PJK, B.Ec. (Malaya),  
Chartered Acc.

## Setiausaha

---

**Y. Bhg Prof Dato' Dr. Abdullah  
Muhammad Zin**  
DPMT, al-Aliya (Madinah), al-Aliya, M.A  
(al-Azhar), Dip. Pend (Ain Shams), Ph.D  
(Kent)



## Rektor

---

**Y. Bhg Prof Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin**  
DIMP, JSM, al-Aliya, M.A., Ph.D (al-Azhar), Dip.  
Pend (Ain Shams)

## Timbalan Rektor

---

**Y. Bhg Prof Dato' Dr. Abdullah Muhammad Zin**  
DPMT, al-Aliya (Madinah), al-Aliya, M.A (al-  
Azhar), Dip. Pend (Ain Shams), Ph.D (Kent)

## Pendaftar

---

**Encik Addenan Hj. Abd. Rahman**  
PJK, B.A Hons (Malaya), MPA (Iowa State)

## Bendahari

---

**Puan Rohani Abu**  
B.Ec. (Malaya), M.Ec. (Ohio), MAIA (Ohio)

## Ketua Pustakawan

---

**Encik Jasmin Jaimon**  
B.Sc. Hons (UKM), Post Grad. Dip. Lib. Sc.  
(UiTM), Dip. Sys. Analysis (UiTM)

## Penolong Pendaftar

---

**En. Mohd Asri Husain**  
Penolong Pendaftar Hal Ehwal Pelajar

**En. Mohd Ishah Rahman**  
Penolong Pendaftar Pentadbiran Am

**En. Hammad Farhi Mohd Saudi**  
Penolong Pendaftar Akademik  
Senat & Pengijazahan

**Puan Marina Yusop**  
Penolong Pendaftar Canselori

**Puan Monaliza Laudang**  
Penolong Pendaftar Akademik  
Pengambilan & Peperiksaan

**Cik Wan Fariza Alyati Wan Zakaria**  
Penolong Pendaftar Sumber Manusia

## PERUTUSAN REKTOR



Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) merupakan Universiti pertama ditubuhkan pada alaf baru, bermula dengan pendaftaran pelajar sulungnya seramai 255 orang pada 18 Jun 2000. Sebagai sebuah Universiti baru, peringkat awal operasi lebih bertumpu kepada usaha-usaha penyusunan pentadbiran dan pengurusan serta proses pemantapan sistem yang baru dilaksanakan.

KUIM telah memulakan pengajiannya pada Sesi Akademik 2000/2001 dengan menawarkan tiga (3) program pengajian pra-siswazah iaitu:-

1. Program Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman Dengan Kepujian
2. Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah Dengan Kepujian
3. Program Ijazah Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam Dengan Kepujian

Dari sejumlah 255 orang pelajar yang telah mendaftar dan mengikuti ketiga-tiga program yang ditawarkan KUIM, terdapat 89 orang pelajar bagi Fakulti Syariah dan Kehakiman, 84 orang pelajar bagi Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah dan 82 orang pelajar bagi Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam. Pengambilan pelajar KUIM meliputi calon-calon lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan lepasan Diploma dari institusi-institusi yang diiktiraf oleh KUIM, seperti Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS) dan Kolej Islam Darul Ehsan (KISDAR).

Selaras dengan hasrat KUIM untuk menjadi institusi pengajian tinggi Islam yang terkemuka dan rujukan dalam bidang keilmuan Islam, penekanan terhadap pembinaan kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris dalam proses pengajaran dan pembelajaran menjadi teras utama KUIM.



*Y.A.B Perdana Menteri beramah mesra dengan pelajar-pelajar KUIM sempena Lawatan Sambil Belajar ke Putrajaya pada 14 Julai 2000*

Selain memperkenalkan kursus Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris sebagai kursus wajib Universiti, KUIM juga mewujudkan konsep pengajian secara "Halaqah" di mana para pelajar didedahkan dengan pembacaan kitab-kitab silam yang muktabar sebagai aktiviti ko-kurikulum. Penekanan kepada aspek penguasaan ilmu ini selaras pula dengan pendedahan kepada penggunaan teknologi moden.

Pendekatan mengimbangkan pembelajaran di bidang Pengajian Islam dengan pendedahan terhadap teknologi maklumat sebagai tuntutan zaman pasca moden turut mendorong KUIM memperkenalkan kursus Teknologi Maklumat sebagai subjek teras Universiti. Para pelajar KUIM turut-didedahkan dengan penggunaan perisian

Arab melalui Kursus Penggunaan MS Arabic. Pendedahan ini bertujuan untuk menjadikan para pelajar lebih berdaya saing serta mampu mengintegrasikan teknologi moden dengan bidang Pengajian Islam yang dipelajari.

Walaupun baru berusia setahun, komitmen KUIM untuk mencapai kecemerlangan dalam pengurusan pendidikan tinggi tetap menjadi prioriti utama. Perancangan pengembangan program-program akademik telah dibuat melalui Perancangan Strategik KUIM Tahun 2000-2010, di antaranya ialah penubuhan Pusat Bahasa yang direncanakan penubuhannya pada 2001, penubuhan Fakulti Iktisad dan Perbankan Islam pada 2002, penubuhan Institut Pengajian Mazhab-Mazhab dan Firqah Islamiyyah pada 2004, Institut Profesional Dakwah pada 2005, Fakulti Pembangunan Insan dan Teknologi pada





*Pelajar melapor diri semasa Hari Pendaftaran Pelajar pada 18 Jun 2000*

2006, Institut Pengajian Dunia Islam pada 2007 dan Fakulti Pengajian Tamadun dan Kesenian Islam pada 2008. Selain itu, KUIM juga akan mula melaksanakan pengambilan pelajar-pelajar pasca siswazah apabila Pusat Pengajian Siswazah ditubuhkan pada 2003. Sebagai usaha untuk mendapat pengiktirafan program ijazah yang ditawarkan, KUIM telah menjemput dua orang tokoh ilmuan Islam terkemuka sebagai Profesor Pelawat, iaitu Prof. Dr. Muhammed Abul Khair Zaki Badawi, Pengarah Muslim College of London dan Prof. Dr. Amir Syarifuddin, Rektor Institut Agama Islam Negeri Imam Bonjol, Padang, Indonesia. Sepanjang kunjungan tersebut, kedua-dua tokoh telah melaksanakan penilaian terhadap program-program akademik yang ditawarkan KUIM.

Dalam bidang penyelidikan, KUIM berhasrat untuk muncul sebagai institusi pengajian tinggi Islam moden yang terkehadapan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, satu Urusetia Penyelidikan telah ditubuhkan bertujuan untuk mengurus dan mengatur perancangan aktiviti penyelidikan tenaga akademik KUIM, termasuk menyediakan medium bagi tenaga akademik KUIM untuk menyumbang kepakaran dan khidmat rundingan kepada organisasi atau badan-badan yang berminat. Perancangan penyelidikan dan tatacara pengurusan kewangan juga telah digubal bagi tujuan rujukan penyelidikan para tenaga akademik.

Sehingga Disember 2000, terdapat 20 orang tenaga pengajar yang terdiri daripada 11 orang pensyarah, 5 orang tutor dan 4 orang guru bahasa. Pada tahun ini, KUIM mempunyai seramai 49 orang kakitangan pentadbiran yang terdiri daripada 16 orang kumpulan pengurusan dan profesional, 33 orang kumpulan sokongan.

KUIM juga telah berusaha membangunkan sistem-sistem yang penting bagi kemudahan urusan pengurusan dan pentadbiran, di antaranya ialah sistem kemasukan dan pendaftaran pelajar baru menggunakan Sistem Informasi Pelajar

(SISIP). Walau bagaimanapun, sistem ini akan digantikan dengan Sistem Maklumat Pengurusan Pelajar (SMPP) bagi memastikan pengurusan maklumat pelajar yang lebih sistematik dan berkesan untuk sesi 2001/2002 akan datang.

Bagi pengurusan maklumat kakitangan pula, Sistem Maklumat Pengurusan Kakitangan (SEMAT) telah dibangunkan bagi membantu proses pengambilan kakitangan. Selain itu, penggunaan Sistem Pengurusan Personel (SISPEN) daripada JPA telah membantu penyediaan rekod kakitangan, rekod cuti, rekod perkhidmatan dan penilaian prestasi kakitangan KUIM. Bagi Sistem Kewangan pula, KUIM menggunakan Sistem Gaji bagi tujuan pemprosesan gaji bulanan, Sistem ERA untuk tujuan merekodkan aset tetap, sistem UBS Accounting sebagai lejar am dan UBS Stock Control sebagai perisian mengawal inventori. Pembangunan sistem maklumat secara menyeluruh ini menunjukkan komitmen tinggi pihak Pengurusan KUIM dalam usaha melaksanakan konsep e-pentadbiran dan e-pembelajaran.

Seiring dengan komitmen KUIM membina kecemerlangan dalam bidang akademik dan pengurusan, aktiviti-

aktiviti pelajar turut mendapat perhatian berat daripada Pengurusan Universiti. Sebagai generasi sulung, pelajar-pelajar baru KUIM telah didedahkan dengan pelbagai aktiviti kemahasiswaan, sebahagian besarnya berbentuk aktiviti akademik seperti seminar dan dialog, program pembangunan mahasiswa, aktiviti sukan, debat dan program-program keagamaan serta lawatan sambil belajar. Penekanan kepada disiplin menjadi asas utama yang diterapkan oleh KUIM bagi melahirkan generasi mahasiswa yang cemerlang, berilmu dan berdisiplin.

Pada keseluruhannya, walaupun masih baru, KUIM telah menunjukkan pencapaian yang amat baik dan membanggakan. Usaha dan komitmen yang tinggi dalam memperkukuhkan program pengajian dan usaha



pembangunan mahasiswa yang berterusan bagi mencapai hasrat penubuhannya terus menjadi agenda utama dalam pengurusan dan pentadbiran KUIM. Perancangan bagi mendapat pengiktirafan antarabangsa dan penilaian kurikulum berdasarkan pandangan penilai dan pemeriksa luar akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa dalam usaha menjadikan KUIM sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam yang terkemuka di dunia. Realisasi hasrat KUIM adalah manifestasi kepada harapan kepemimpinan negara agar Islam menjadi teras dan penggerak yang dinamik kepada pembangunan Malaysia pada masa hadapan.



**Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin**  
Rektor  
*Kolej* Universiti Islam Malaysia

## Program Pengajian

KUIM telah memulakan pengajiannya pada Sesi Akademik 2000 / 2001 dengan menawarkan tiga (3) program pengajian prasiswazah iaitu:-

1. Fakulti Syariah dan Kehakiman Dengan Keupujian
2. Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Dengan Keupujian
3. Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam Dengan Keupujian

Berdasarkan perancangan pengambilan pelajar bagi semestar pertama Sesi 2000 / 2001, seramai 280 calon dari lepasan STPM dan lepasan diploma dari institusi-institusi yang diiktiraf oleh KUIM (dikategorikan sebagai kes khas) telah ditawarkan tempat, dimana seramai 94 orang adalah calon bagi Fakulti Syariah dan Kehakiman, 93 orang calon bagi Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah dan 93 orang calon pula adalah bagi Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam. Walau bagaimanapun, hanya seramai 255 orang calon telah mendaftar


dan mengikuti ketiga-tiga program yang telah ditawarkan oleh KUIM. Sesi pendaftaran pelajar sulung KUIM telah bermula pada 16 Jun 2000 di Kampus Sementara KUIM bertempat di Institut Professional Baitulmal, Kampung Pandan, Kuala Lumpur. Jadual 1 menunjukkan bilangan pelajar yang mendaftar di KUIM mengikut fakulti.

Dari segi pecahan jantina, jumlah pelajar wanita adalah lebih besar berbanding pelajar lelaki. Graf 1 menunjukkan taburan pelajar berdasarkan program pengajian dan pecahan mengikut jantina di KUIM. Bagi kategori kes khas, sebahagian besar pelajar adalah terdiri dari lepasan diploma dari institusi-institusi yang diiktiraf oleh KUIM seperti Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS) Kolej Islam Darul Ehsan (KISDAR). Pelajar-pelajar ini telah diberi pengecualian beberapa kursus sepanjang semester 1 dan 11 seperti kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia, Fiqh Ibadat dan Munakahat, Ulum Al-Quran dan Sirah Rasul.

**Jadual 1. Bilangan Pelajar Yang Mendaftar di KUIM**

| Bil.                      | Fakulti                             | Kelulusan  |           | Jumlah Pelajar |
|---------------------------|-------------------------------------|------------|-----------|----------------|
|                           |                                     | STPM       | Kes Khas  |                |
| 1.                        | Fakulti Syariah dan Kehakiman       | 74         | 15        | 89             |
| 2.                        | Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah  | 73         | 11        | 84             |
| 3.                        | Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam | 74         | 8         | 82             |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b> |                                     | <b>221</b> | <b>34</b> | <b>255</b>     |

**Graf 1 : Taburan Pelajar Berdasarkan Program Pengajian dan Pecahan mengikut Jantina**



Catatan :

- FSK - Fakulti Syariah dan Kehakiman
- FQS - Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
- FDPI - Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam



## Perkuliahan dan Peperiksaan

BERSESUAIAN dengan hasrat KUIM untuk melahirkan ilmuan Islam yang mempunyai kemahiran berkomunikasi dalam pelbagai bahasa, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris telah dijadikan medium perantaraan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, dengan nisbah 60% menggunakan Bahasa Arab dan manakala baki 40% adalah dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia.

Bagi tujuan perkuliahan, pelajar-pelajar KUIM telah dibahagikan kepada kumpulan perkuliahan yang lebih kecil disebabkan KUIM menghadapi masalah kekurangan ruang (keluasan bilik-bilik kuliah yang kecil dan bilangannya yang terhad). KUIM hanya mempunyai enam (6) bilik kuliah dan tidak mempunyai Dewan Kuliah yang besar menyebabkan kumpulan kuliah terpaksa dibahagi-bahagikan kepada bentuk kumpulan yang lebih kecil. Sebagai contoh, pengajaran Bahasa Inggeris secara keseluruhannya terpaksa dibahagikan kepada sembilan (9) kumpulan manakala Bahasa Arab sebanyak lima belas (15) kumpulan. KUIM juga terpaksa menyewa Dewan Kuliah daripada

Institut Profesional Baitulmal (IPB) untuk tujuan perkuliahan bagi menampung kumpulan kuliah yang lebih besar. Keadaan ini menyebabkan perkuliahan akan berlanjutan sehingga ke malam dan KUIM memerlukan lebih ramai tenaga akademik sambilan untuk mengendalikan kuliah. Dari segi penyediaan kemudahan makmal komputer kepada pelajar, KUIM pada peringkat awal telah menyewa sebuah makmal komputer IPB yang boleh memuatkan seramai 30 orang pelajar pada satu-satu masa.

Bagi tujuan pengendalian peperiksaan pula, KUIM telah menyewa Dewan Peperiksaan IPB. Walau bagaimanapun, dewan tersebut hanya mampu menampung seramai 200 orang pelajar sahaja, manakala bakinya di Bilik-bilik Kuliah yang telah ditetapkan.




*Mahasiswa tekun menjalani peperiksaan yang dijalankan*

## Kegiatan dan Sumbangan Kakitangan Akademik

Sehingga Disember 2000, KUIM mempunyai seramai 25 kakitangan akademik dengan pecahannya seperti pada Graf 2. Walaupun dengan jumlah yang amat kecil, kakitangan akademik KUIM generasi perintis ini telah menunjukkan komitmen dan daya usaha yang cukup tinggi untuk membangunkan

KUIM. Selain penekanan terhadap aspek-aspek pengajaran dan pembelajaran, kakitangan akademik turut memberi sumbangan positif dalam bentuk penulisan karya, keahlian dalam badan profesional dan sumbangan idea kepada warga kampus dan masyarakat umum.

**Graf 2 : Jumlah dan Pecahan Kakitangan Akademik**



## Penerbitan dan Karya Ilmiah

Hasil-hasil karya dan penulisan ahli-ahli akademik KUIM boleh didapati di dalam pelbagai wahana ilmiah, baik di akhbar tempatan mahupun majalah-majalah. Di antara penerbitan yang telah di sumbangkan ialah sebagai Kolumnis Majalah Cahaya Pusat Islam, Kolumnis Majalah Pusat Islam dan juga Kalam Allah yang telah diterbitkan dalam Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam.

Sementara karya-karya ilmiah yang telah diterbitkan dalam beberapa buah akhbar tempatan termasuklah terjemahan satu bab dalam Asrar Al-Lughah, 'Reflective On The Teaching Profession', Rawatan Lelaki terhadap Perempuan Menurut Perspektif Islam dan sorotan-sorotan sejarah seperti terjemahan 'Ali As-Sawwa.'

## Persidangan

Urusetia Persidangan telah dibentuk pada 22 November 2000. Tujuan utama penubuhan Urusetia ini adalah untuk menyediakan ruang bagi peningkatan

ilmu pengetahuan dan daya intelektual tenaga akademik dan pentadbiran KUIM melalui aktiviti-aktiviti persidangan. Selaras dengan hasrat tersebut, satu Jawatankuasa Persidangan telah dibentuk dan beberapa perancangan aktiviti-aktiviti persidangan telah dirancang, merangkumi seminar peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

KUIM juga telah mengambil inisiatif mengadakan satu seminar peringkat Asean iaitu Seminar Kebatitan Serantau. Seminar yang bertemakan "Ke Arah Pembasmian Kebatitan dalam Ajaran Kebatitan", telah diadakan pada 15 dan 16 September 2000 bertempat di *Kolej Universiti Islam Malaysia* dan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia iaitu YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, sementara upacara penutup telah disempurnakan



*Perasmian Seminar Kebatitan Serantau oleh YAB Dato' Sri Abdullah Ahmad Badawi pada 15 September 2000*

oleh Encik Noh Omar, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri. Seminar ini membuktikan komitmen KUIM secara responsif untuk menangani isu-isu yang menjadi kekeliruan masyarakat Islam secara umum. Beberapa kertas kerja juga telah dibentangkan oleh beberapa orang tokoh ilmuan Islam terkemuka yang diundang khas dari dalam dan luar negara, iaitu dari Indonesia, Singapura dan Brunei. KUIM merancang untuk mengadakan satu seminar antarabangsa bertemakan "Pengajian Islam di Universiti-universiti di Dunia: Issues and Challenges in The New Millennium" pada 2001.

Di samping itu, KUIM juga telah menghantar beberapa orang ahli akademik menghadiri seminar-seminar peringkat kebangsaan. Seminar-seminar yang dihadiri adalah berbentuk ilmiah dan berkaitan dengan pengajian Islam yang merupakan bidang utama para ahli akademik KUIM. Di antara seminar-seminar tersebut ialah Seminar Ketokohan Wanita Islam, Seminar Kebangsaan Islam & Agama-Agama Masyarakat Malaysia, Seminar On Economic Crisis And Higher Education In Asia.

## Penyelidikan

Selaras dengan hasrat KUIM untuk muncul sebagai institusi pengajian tinggi Islam moden yang terkemuka dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, satu Urusetia Penyelidikan telah ditubuhkan pada 21 November 2000. Tujuan penubuhan Urusetia ini adalah untuk mengurus dan mengatur perancangan aktiviti penyelidikan tenaga akademik KUIM, termasuk menyediakan medium untuk sumbangan dalam bentuk kepakaran dan khidmat rundingan kepada organisasi atau badan-badan yang berminat. Perancangan penyelidikan dan tatacara pengurusan kewangan juga telah digubal bagi tujuan rujukan penyelidikan para tenaga akademik.

Di antara objektif utama Urusetia Penyelidikan Universiti ini ditubuhkan adalah untuk :

- Membudayakan penyelidikan dan persidangan di kalangan staf akademik untuk memperkayakan ilmu dan kemahiran pengajaran dalam era ICT
- Mengadakan kerja-kerja penyelidikan yang boleh membantu dan mempertingkatkan kemahiran dan perkembangan profesional tenaga pengajar

- Menyertai secara aktif program penyelidikan negara di bawah projek IRPA
- Meningkatkan reputasi sebagai pusat sumber rujukan dan penyelidikan dan bersesuaian dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan KUIM sebagai 'Universiti Penyelidikan' khususnya dan bukan hanya 'Universiti Pembelajaran.'
- Memberi pendedahan kepada tenaga akademik dalam bidang penyelidikan dengan menawarkan geran-geran penyelidikan dan mengadakan kursus dan bengkel penyelidikan
- Memberi peluang kepada tenaga akademik untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan kepakaran dalam disiplin yang berkaitan
- Mewujudkan tenaga-tenaga pakar untuk projek-projek penyelidikan dan perundingan dan seterusnya menambahkan hasil universiti.

## Senat

SEBAGAI badan akademik tertinggi, Senat KUIM berperanan untuk membuat keputusan dan mengawal urusan berkaitan pengajaran, penyelidikan, persidangan, peperiksaan, pengurniaan

ijazah dan sebagainya, termasuk memperakukan keputusan-keputusan Universiti khususnya dalam bidang akademik dan seumpama dengannya. Bagi tahun 2000, Senat telah bersidang sebanyak dua kali dan telah memperakukan beberapa perkara berkaitan hal-ehwal akademik, diantaranya ialah:

- Meluluskan Peraturan-Peraturan bagi Mesyuarat Senat KUIM
- Meluluskan Peraturan-Peraturan Peperiksaan KUIM
- Meluluskan Peraturan Pengajian Program Sarjana Muda Dengan Kepujian
- Meluluskan Panduan Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian
- Meluluskan Pengambilan Pelajar dan Pengecualian Kursus Bagi Calon Lulusan Diploma (Kes Khas) Sesi 2000/2001
- Meluluskan Tarikh Sesi Akademik 2000/2001 dan Sesi Akademik 2001/2002
- Menubuhkan Jawatankuasa Misi dan Visi KUIM
- Meluluskan Moto, Falsafah, Wawasan, Misi dan Pindaan Objektif KUIM



## Pendaftaran Generasi Sulung

KUIM telah menerima kemasukan generasi sulungnya pada 18 Jun 2000. Sempena pendaftaran pelajar baru, satu program Minggu Ta'aruf Pelajar Baru KUIM telah diadakan dari 18 hingga 24 Jun 2000. Pelbagai aktiviti telah disusun sepanjang Minggu Ta'aruf tersebut seperti seminar, ceramah, bengkel, taklimat pinjaman pelajaran, sukan, aktiviti kebudayaan dan sebagainya. Semua program diadakan bagi memastikan para pelajar mendapat maklumat yang tepat mengenai program pengajian, proses pembelajaran peringkat universiti, pembangunan sendiri dan penyesuaian diri dengan



*Pelajar Sulung Kolej Universiti Islam Malaysia pada Hari Pendaftaran Pelajar, 18 Jun 2000*

suasana kampus. Majlis lafaz ikrar pelajar baru KUIM generasi pertama telah diadakan pada 24 Jun 2000 dan turut disaksikan oleh YB Dato' Mahadzir Mohd Khir, Setiausaha Parlimen, Kementerian Pendidikan Malaysia.

## Pinjaman Pendidikan

UNTUK memastikan para pelajar dapat mengikuti pengajian dengan selesa tanpa dibebankan dengan masalah kewangan, KUIM turut berusaha mendapatkan pinjaman pendidikan daripada para penaja. Pada masa ini, sebahagian besar pelajar KUIM menerima bantuan pinjaman daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), manakala bakinya pula adalah daripada Yayasan Negeri dan juga Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Selain pinjaman pendidikan, KUIM turut menyediakan dana khas bagi membantu para pelajar memperolehi pinjaman kecemasan sementara urusan mendapatkan bantuan daripada pihak penaja pinjaman pendidikan iaitu sebanyak RM200 seorang bagi pelajar yang memerlukan.

## **Khidmat Kaunseling**

SEJAJAR dengan keperluan pembangunan sahsiah dan potensi diri mahasiswa, KUIM telah menubuhkan Unit Kaunseling pada 1 September 2000. Perkhidmatan kaunseling pelajar diwujudkan dengan tujuan untuk merangsang, menyusun dan memantau pelbagai aspek pembangunan sahsiah diri, akademik dan kerjaya mahasiswa. Perkhidmatan kaunseling dibuka kepada semua pelajar sama ada secara individu mahu pun berkelompok. Antara program yang telah dijalankan ialah Bengkel Pengurusan Masa dan Teknik Pembelajaran Efektif bagi membantu para pelajar mengendalikan pengurusan masa secara berkesan dan memberi pendedahan kepada pelbagai teknik pembelajaran yang sesuai. Bengkel ini telah diadakan dalam 10 sesi dan disertai oleh seramai 61 orang pelajar. Selain itu, maklumat-maklumat berhubung dengan lain-lain keperluan dan perkhidmatan yang diperlukan oleh pelajar turut dikumpul dari semasa ke semasa bagi memperkembangkan fungsi dan peranan kaunseling dalam proses pembinaan sahsiah dan kecemerlangan diri pelajar.

## **Aktiviti Pembangunan Sahsiah**

SELARAS dengan hasrat KUIM untuk melahirkan graduan yang berkualiti, seimbang dan berdisiplin para pelajar KUIM telah didedahkan dengan pelbagai aktiviti pembinaan dan pembangunan sahsiah, diantaranya ialah Program Pembangunan Mahasiswa anjuran Biro Tata Negara (BTN) yang telah diadakan di Kem Bina Negara, Besut, Terengganu pada 15-20 Oktober 2000. Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada para pelajar tentang semangat cintakan agama, bangsa dan negara. Selain itu, program ini dapat memupuk semangat bekerjasama dan memahami isu-isu penting berkaitan dengan pembangunan negara.



*Aktiviti riadah dalam Program Pembangunan Mahasiswa di Kem Bina Negara, Besut, 15 hingga 20 Oktober 2000*

Sebuah Majlis Perwakilan Pelajar (Sementara) telah dibentuk oleh KUIM. Sebuah MPP yang dipilih oleh pelajar belum boleh dilaksanakan disebabkan Perlembagaan KUIM yang memperuntukkan fasal berkaitan masih belum diwartakan. Universiti telah melantik seramai 11 orang pelajar sebagai ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sementara. MPP KUIM ini berperanan sebagai sebuah badan pelajar yang bertanggungjawab untuk membantu pihak pengurusan KUIM menjaga kebajikan pelajar dan menjalankan pelbagai aktiviti kemahasiswaan.

## Aktiviti Sukan

SETELAH diterima menganggotai Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (MASUM), KUIM telah menyahut cabaran menyertai Kejohanan Sukan Antara Universiti (SUKMAS) 2000. Walaupun dengan serba kekurangan, KUIM atas nama semangat kesukanan telah menghantar para atlit pada semua fasa SUKMAS yang diadakan iaitu di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaya (UM) dan juga Universiti Teknologi Malaysia (UTM).



*Semangat kesukanan yang ditunjukkan oleh atlit KUIM dalam Kejohanan Sukan Antara Universiti (SUKMAS) yang lalu*

Acara-acara yang disertai ialah bolasepak, pingpong kategori lelaki dan perempuan, bola tampar kategori lelaki dan perempuan, bolajaring, badminton kategori lelaki dan perempuan dan juga sepaktakraw. Walaupun baru menghantar pasukan buat kali yang pertama, para atlit KUIM telah menunjukkan kesungguhan dan potensi untuk terus berjaya pada masa akan datang.



## Kejohanan Debat DiRaja

KUIM juga buat pertama kalinya telah menyahut cabaran dengan menyertai Kejohanan Debat DiRaja yang merupakan pertandingan elit dalam aktiviti perbahasan antara universiti awam di Malaysia. Program tersebut dianjurkan oleh Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM) dengan kerjasama Sekretariat Timbalan-timbalan Naib Canselor HEP IPTA dan diadakan di Universiti Putra Malaysia (UPM). KUIM telah menghantar tiga pasukan iaitu satu pasukan senior, dan dua pasukan junior. Walaupun hanya menjalani latihan intensif selama 10 hari dengan serba kekurangan, pasukan debat KUIM telah berjaya



*Para pendebat KUIM sedang sibuk menjalani latihan bagi menyertai Kejohanan Debat Diraja pada 6 November hingga 11 November 2000*

menunjukkan pencapaian yang membanggakan apabila memenangi beberapa pertandingan dan para pendebatnya dipilih sebagai pendebat terbaik pada peringkat saringan.

## Variasi Aktiviti

SEBAGAI bakal pemimpin harapan masyarakat, hubungan baik antara pelajar dengan kepemimpinan negara turut dijalin melalui pelbagai lawatan dan perbincangan, antaranya lawatan ke Putrajaya. Di samping itu, beberapa orang pimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) KUIM juga telah menghadiri perjumpaan bersama dengan Menteri Pendidikan dan wakil Exco Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia. Selain itu, para pelajar KUIM turut menyertai beberapa program luar seperti Pertandingan Berzanji, Multaqa Kesyukuran Kemerdekaan, Larian Bendera 2000, dan juga Larian Rakyat 2006.

## Kemudahan Penginapan Pelajar

PENGINAPAN bagi kumpulan sulung pelajar KUIM ditempatkan di asrama Institut Profesional Baitulmal. Penginapan ini menempatkan empat (4) orang pelajar bagi satu bilik dengan kadar bayaran RM100.00 sebulan, tetapi hanya dikenakan caj bayaran bagi 10 bulan untuk tempoh penginapan satu tahun. Sebuah Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKSA) peringkat Kolej Kediaman juga telah ditubuhkan untuk menjaga kebajikan pelajar. Seorang pengetua dan felo-felo penghuni turut dilantik untuk membantu memastikan kebajikan dan keharmonian para pelajar tersebut semasa tinggal di kampus.



## Masalah-masalah

MASALAH utama dalam pelaksanaan aktiviti pelajar ialah kekurangan tempat untuk mengadakan latihan sukan dan menjalankan kegiatan ko-kurikulum. Keadaan ini berlaku kerana masalah keterbatasan ruang. Dalam masa yang sama, latihan-latihan sukan tidak dapat dijalankan secara konsisten kerana masalah untuk mendapat jurulatih yang profesional dan bersesuaian.

## Perjawatan

SEBAGAI sebuah Universiti baru, proses pengambilan kakitangan akademik dan pentadbiran KUIM terus dilakukan secara berterusan. Sehingga Disember 2000, terdapat 20 orang tenaga pengajar yang terdiri daripada 11 orang pensyarah, 5 orang tutor dan 4 orang guru bahasa. Pada tahun ini, KUIM mempunyai seramai 49 orang kakitangan pentadbiran yang terdiri daripada 16 orang kumpulan pengurusan dan profesional, dan 33 orang kumpulan sokongan. Pengambilan kakitangan, sama ada kakitangan akademik, mahupun pentadbiran dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut keperluan semasa. Walau bagaimanapun, wujud kekangan dalam pengisian jawatan akademik di mana pihak Pengurusan menghadapi kesukaran untuk mendapat tenaga akademik yang benar-benar berkelayakan, terutama bagi jawatan Profesor, Profesor Madya dan Guru Bahasa Inggeris. Ia berkait dengan masalah kekurangan calon yang memohon serta masalah mendapat pelepasan dari jabatan semasa pemohon.

## Cuti Belajar

MESYUARAT Lembaga Pengarah KUIM ke-5 telah meluluskan Skim Cuti Belajar/Sabatikal dan Biasiswa dan suatu Jawatankuasa Cuti Belajar/Sabatikal dan Biasiswa telah ditubuhkan. Penghantaran kakitangan akademik untuk bercuti belajar di dalam dan di luar negara untuk program ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah hanya akan bermula pada tahun 2001. Jumlah calon yang akan dihantar ialah seramai 7 orang, iaitu 4 calon bagi peringkat Ijazah Doktor Falsafah, dan 3 calon Ijazah Sarjana. Keutamaan bidang pengajian adalah kepada bidang-bidang yang dianggap kritikal dan Program latihan bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Ijazah Sarjana ini akan dibiayai di bawah Skim Latihan Akademik Bumiputera (Jabatan Perkhidmatan Awam). Perancangan cuti belajar bagi kakitangan pentadbiran hanya akan bermula pada 2005 untuk mengelak masalah kekurangan tenaga pentadbiran.

## Cuti Sabatikal

BUAT masa ini, pelaksanaan Skim Cuti Sabatikal bagi kakitangan akademik dan pentadbiran KUIM masih belum dilaksanakan, memandangkan belum ada kakitangan yang layak. Pelaksanaan Skim Cuti Sabatikal ini akan bermula jika terdapat calon-calon yang layak kelak.

## Latihan

BEBERAPA aktiviti dan kursus yang melibatkan semua kakitangan KUIM yang berjumlah 68 orang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2000. Tumpuan latihan ialah kepada bidang Aplikasi Komputer yang bertujuan untuk meningkatkan tahap kecekapan pengurusan dan pentadbiran di kalangan kakitangan, sesuai dengan hasrat KUIM untuk membudayakan penggunaan teknologi maklumat serta menjadi institusi pengajian tinggi Islam yang terkehadapan dalam bidang ini. Latihan telah diadakan dengan kerjasama Unit Teknologi Maklumat di Makmal Komputer KUIM. Di antara jenis-jenis program yang didedahkan dalam latihan tersebut ialah Windows 2000, MS Word 6.0, MS Excel, MS Outlook, MS Power Point 7.0, MS Arabic dan Pengenalan SPSS. Selain itu, latihan sistem seperti Sistem Cuti-Online dan

Sistem Kewangan UBS juga turut diadakan kepada kakitangan yang terlibat. Satu Bengkel Penggunaan Word 2000 Arabic telah diadakan bertujuan memberi pendedahkan kepada pelajar cara penggunaan Word 2000 yang betul bagi penyediaan dokumen dalam bahasa Arab.


Di samping program-program latihan perisian komputer, program-program berbentuk kursus dan bengkel mengikut kategori kumpulan sasaran yang telah dikenalpasti di kalangan kakitangan juga turut diadakan. Kursus-kursus dalaman atau 'in-house training' yang telah dilaksanakan ialah Kursus Pengurusan Setor melibatkan kakitangan sokongan yang telah diadakan pada 12 Ogos 2000 dan Kursus Pengurusan Sistem Fail Pejabat melibatkan Pegawai-pegawai dan kakitangan sokongan pada 23 September 2000. Selain kursus, beberapa bengkel 'brainstorming' melibatkan pihak Pengurusan, Pegawai-pegawai dan Pentadbir Akademik seperti Pemangku Dekan dan Penyelaras Program turut diadakan, iaitu Bengkel Pengurusan KUIM pada 27 hingga 29 Oktober 2000 bertempat di Guoman Resort Port Dickson, serta Bengkel Penyediaan Belanjawan 2002 pada 25 November 2000 bertempat di De Palma Hotel, Ampang dengan kerjasama Jabatan Bendahari. Selain kursus-kursus dalaman yang dianjurkan, beberapa orang pegawai dan kakitangan sokongan

KUIM turut dihantar menghadiri kursus-kursus luar seperti Kursus Pengurusan Sumber Manusia di Sektor Awam yang dianjurkan oleh INTAN pada 25 hingga 30 September 2000 bertempat di Kampus Utama Bukit Kiara, Kursus Pengurusan Kenderaan Universiti pada 6 dan 13 Oktober 2000 bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia, Kursus Sistem Maklumat Personnel (SISPEN) anjuran Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Perkhidmatan Awam pada 20 hingga 23 November 2000, Kursus Oracle iDevelop 2000 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra, XML World 2000 pada 22 November 2000 bertempat di Hotel Nikko, dan Developer Days pada 6 Disember 2000 bertempat di Sunway Lagoon Resort Hotel.

## Laporan Penilaian Prestasi Tahunan

GARIS Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian Prestasi telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah KUIM dalam Mesyuarat LPU ke-6. Mengambil kira KUIM masih baru dalam pelaksanaan sistem ini, satu Taklimat Penilaian Prestasi oleh Jabatan Perkhidmatan Awam telah diadakan pada 19 Disember 2000. Penilaian prestasi yang dilaksanakan melibatkan semua kakitangan, berdasarkan prosedur yang biasa dipraktikkan di Institusi Pengajian Tinggi Awam yang lain.

**Graf 3 : Kedudukan Perjawatan Pentadbiran dan Akademik KUIM Tahun 2000**





## Prasarana

*Kolej* Universiti Islam Malaysia (KUIM) telah mula beroperasi pada bulan Januari 2000 bertempat di Tingkat 5, Bangunan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kemudiannya, KUIM telah berpindah ke kampus sementara di Menara Institut Profesional Baitulmal, Lot 1363, Jalan Perkasa Off Jalan Kampung Pandan, 55100 Kuala Lumpur pada bulan Jun 2000. Kompleks tersebut dimiliki oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Perjanjian telah dibuat pada 28 Julai 2000 di antara Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dengan KUIM bagi membenarkan Universiti ini menyewa keseluruhan Tingkat 1, 8, 10. Di samping itu, kadar penyewaan tersebut juga meliputi sewa penggunaan Dewan Kuliah, Bilik Kuliah, Makmal Bahasa, Studio, Tempat Letak Kereta, Surau, Gelanggang Badminton/Takraw dan Kantin untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran, termasuk ruang untuk makmal komputer di Tingkat 9. Kadar sewaan bergantung kepada kadar jam/tempoh yang digunakan. Bayaran penyelenggaraan dan perkhidmatan sebanyak RM 5,000 sebulan.

Ubahsuai telah dilakukan di Tingkat 1 untuk menempatkan Pejabat Bendahari, Hal Ehwal Pelajar dan Perpustakaan. Pejabat Pendaftar dan Bilik Kuliah/Tutorial pelajar pula di Tingkat 8 sementara di Tingkat 10 menempatkan Pejabat Pengerusi Lembaga Pengarah, Pejabat Rektor, Timbalan Rektor, Canselori dan Bilik Kakitangan Akademik. Manakala di Tingkat 9 pula menempatkan Makmal Komputer KUIM dan Bilik Mesyuarat Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Kos keseluruhan ubahsuai berkenaan adalah sebanyak RM87,000.00. Manakala pembelian perabot untuk kegunaan kakitangan dan pejabat keseluruhannya berjumlah RM267,000.00.

Sebanyak tiga buah Kereta Perdana 2.0L telah dibeli untuk kegunaan pihak pengurusan tertinggi KUIM. Sebuah Mitsubishi Pajero, Van Inokom dan Proton Wira juga telah dibeli untuk kemudahan pentadbiran dan pelajar. Di samping itu, sebuah bas juga telah dibeli dan dijangka sampai pada 15 Januari 2000. Penggunaan kad 'Smartpay' PETRONAS dan perlantikan panel servis kenderaan juga telah dilaksanakan. Jumlah kos keseluruhan pembelian kenderaan pada tahun 2000 adalah sebanyak RM1,040,000.00. Sebanyak 54 talian telefon sistem 'centrex' telah dipasang di seluruh

KUIM. Talian terus pula adalah sebanyak 8 talian. Bagi Rektor, Timbalan Rektor, Pendaftar, Bendahari dan Ketua Pustakawan telah dibekalkan dengan talian telefon sistem KSU. Kesemua talian telefon telah diuruskan oleh Telekom Malaysia Berhad (TMB). Jumlah kos keseluruhan pemasangan talian telefon adalah sebanyak RM63,000.00.

Sehingga 31 Disember 2000, kad perakam waktu yang digunakan adalah kad elektronik.

## **Kemudahan kakitangan**

SKIM Kemudahan Perubatan Pegawai KUIM telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 8 Mei 2000. Sebanyak 23 buah klinik swasta di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor telah dilantik sebagai klinik panel KUIM bermula 1 Jun 2000 hingga 31 Mei 2001. Garis Panduan/Peraturan Klinik Panel KUIM 2000/2001 telah diedarkan kepada semua Klinik Panel manakala bagi kakitangan pula Garis Panduan/Peraturan Perkhidmatan Klinik Panel KUIM turut telah diedarkan untuk makluman. Taklimat mengenai Perintah Am Bab 'C', Cuti, 1974 dan Sistem Cuti 'On-Line' telah diadakan pada 8,9 dan 11 Disember 2000. Sasaran utama

taklimat Perintah Am Bab 'C', Cuti, 1974 merupakan kakitangan yang baru berkhidmat dengan Kerajaan/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan. Taklimat ini difikirkan amat perlu memandangkan kebanyakan daripada mereka terutamanya daripada kakitangan sokongan tidak mengambil maklum tentang cuti-cuti yang telah diperuntukkan oleh kerajaan kepada mereka.

Sistem Cuti 'On-Line' merupakan beberapa modul yang telah disediakan di dalam SISPEN yang dibangunkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Permohonan cuti rehat secara 'on-line' difikirkan perlu bagi merealisasikan hasrat KUIM untuk membudayakan aplikasi teknologi maklumat serta menjadi Institusi Pengajian Islam yang terkehadapan dalam bidang ini. Sistem Cuti 'On-Line' ini akan mula dipraktikkan pada 15 Januari 2001.

Pentadbiran juga telah memilih 6 buah syarikat agensi penerbangan untuk dilantik bagi urusan penempahan tiket kapal terbang. Perlantikan agen penempahan tiket kapal terbang bermula pada 1 Januari hingga 31 Disember 2001. Syarat-syarat perlantikan agen penempahan tiket kapal adalah berdasarkan kepada Pekeliling-Pekeliling Kerajaan yang telah dikeluarkan.

# HAL-EHWAL PEMBANGUNAN DAN PRASARANA FIZIKAL



PROJEK Pembangunan Kampus Tetap KUIM telah dikemukakan di bawah Rancangan Malaysia ke-8. Jumlah peruntukan yang dimohon ialah sebanyak RM609.3 juta. Usaha-usaha pada peringkat awal ini lebih tertumpu kepada mengenalpasti tapak yang sesuai dengan konsep Kampus KUIM yang dirancang. Kampus KUIM akan memanifestasikan "keesaan" Pencipta alam iaitu ALLAH s.w.t. Maka konsep perancangan yang disediakan bukan sahaja untuk menghasilkan sebuah kampus yang sistematik dari segi fizikal tetapi juga meningkatkan nilai kerohanian dikalangan penghuninya.

Konsep rekabentuk yang diasaskan oleh nilai kerohanian akan menitikberatkan jalinan tiga hubungan yang menjadi asas sesuatu pembangunan iaitu:-

- i. Hubungan manusia dengan Penciptanya
- ii. Hubungan manusia dengan manusia
- iii. Hubungan manusia dengan alam semulajadi

Kampus KUIM adalah sebuah bandar pintar yang mempunyai tempat kediaman (pelajar, pekerja dan awam). Kemudahan beribadat, pusat perniagaan dan pusat kegiatan sosial, sukan dan

rekreasi dan semua keperluan masa kini untuk memenuhi keperluan akademik dan keperluan harian setiap penghuninya dan merupakan simbol pengalaman Islam sebagai agama yang Syumul, dinamik dan relevan dengan perkembangan dan keperluan zaman.

Disamping Kampus tetap, KUIM juga merancang untuk mempunyai Kampus Amali (outreach campus) bagi menyediakan latihan amali dalam kehidupan bermasyarakat sebenar di sebuah bandar pintar. Kampus Amali tersebut berfungsi sebagai suatu tempat latihan (training centre) yang kondusif bagi mewujudkan proses interaksi masyarakat kampus dengan masyarakat awam. Dengan wujudnya Kampus Amali ini, tenaga profesional di dalam berbagai bidang ilmu Pengajian Islam dapat mengadun ilmu dan praktikalnya dalam masyarakat Islam, seterusnya menjadi model kepada pelaksanaan suatu sistem dan cara hidup Islam yang dinamik dan unggul.

Sementara Kampus KUIM masih dalam peringkat awal pembangunan, KUIM telah menjalankan operasinya dengan menyewa ruang di Institut Profesional Baitulmal (IPB), Kampung Pandan, Kuala Lumpur. Penyewaan ini termasuk



ruang untuk kemudahan pengurusan, pembelajaran dan tempat kediaman untuk menampung bilangan pelajar seramai 255 orang. Walau bagaimanapun, penyewaan ruang di IPB dengan sewaan tahunan sebanyak RM316,079.13, hanya dapat menampung keperluan untuk sesi pengajian tahun 2000/2001 sahaja. Justeru keperluan terhadap ruang baru yang lain bagi menampung pertambahan bilangan pelajar dan pertambahan keperluan ruang pentadbiran bagi tahun 2001/2002 dianggap amat mendesak.

Cadangan baru Kampus Sementara Kedua ialah di Menara Pandan berhampiran Menara Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) di Pandan Indah. Penyewaan dicadangkan ialah enam (6) tingkat iaitu seluas 15,000 kp bagi setiap tingkat. Keluasan yang dicadangkan ini mencukupi untuk menampung keperluan ruang-ruang untuk bilik kuliah, tutorial, pejabat fakulti, bilik-bilik pensyarah, perpustakaan, makmal komputer dan makmal bahasa. Jumlah keluasan keseluruhan ialah 92,964 kp. Harga yang ditawarkan untuk penyewaan ini ialah pada kadar RM1.45 kp sebulan. Terdapat kemudahan tempat penginapan pelajar yang mencukupi dan sesuai iaitu Apartment Riveira di Taman Muda, Cheras (1.5 km dari Menara

Pandan). Riveira II menawarkan 20 unit manakala Riveira III 60 unit dan boleh ditambah sebanyak 10 unit lagi. Bilangan unit-unit ini adalah mencukupi bagi menampung bilangan pelajar pada sesi 2001.



KUIM telah meletakkan harapan yang tinggi dalam penggunaan teknologi maklumat bagi membantu melicinkan urusan pentadbiran, pengajaran dan penyelidikan. Sebagai sebuah universiti yang baru, KUIM telah memulakan perancangan penggunaan teknologi maklumat bermula pada hari pertamanya. Sejumlah RM1 juta ringgit diperuntukan untuk tujuan penyediaan kemudahan teknologi maklumat pada tahun 2000.

Jawatankuasa Teknologi Maklumat ditubuhkan bagi menyelaraskan dan mengawasi perkembangan penggunaan teknologi maklumat. Di bawah jawatankuasa ini telah diwujudkan Jawatankuasa Laman Web yang ditugaskan menyediakan dan mengawalselia kandungan maklumat laman web rasmi KUIM.

Bermula dengan hanya 2 unit PC yang dipinjam dari UKM, KUIM kini telah memperolehi sejumlah 100 unit PC dengan kos RM350,000 untuk pelbagai tujuan. Daripada jumlah tersebut, 35 unit adalah untuk tujuan pengajaran, 65 unit pentadbiran. Selain PC, KUIM juga dilengkapi dengan 15 pencetak laser dan 2 penyalin digital yang dirangkaikan.

Semua PC dan pencetak telah dihubungkan dalam satu rangkaian setempat LAN yang menghubungkan jabatan-jabatan bagi membolehkan perkongsian maklumat dijalankan. Rangkaian setempat ini di disambung dengan rangkaian internet melalui sistem rangkaian internet kerajaan (GITN) dengan kelajuan 128kbps. Kos pemasangan sistem rangkaian setempat dan internet ini menelan belanja kira-kira RM100,000. Sebuah makmal komputer telah disediakan untuk kegunaan pengajaran dan pelajar. Makmal ini dilengkapi dengan 30 PC pelajar, 1 PC pengajar, Alat Projektor LCD, pencetak laser. Kos penyediaan makmal ini kira-kira RM180,000. Dengan adanya makmal ini membolehkan pelajar meningkatkan kemahiran dalam penguasaan teknologi maklumat. KUIM menetapkan Perisian Windows 2000 Pro dan Microsoft Office 2000 'multilanguage pack' sebagai piawaian untuk kegunaan automasi pejabat. Dengan ini pengguna dengan mudah menggunakan Word 2000 untuk menyediakan dokumen dalam bahasa Arab.

Di samping itu perisian lain telah dibeli untuk pelbagai tujuan antaranya Perisian SPSS, Adobe Publishing Collection,



Window 2000 Server, Project 2000, Visio 2000, SQL 7.0 . Perisian lain yang diperolehi ialah Oracle RDBMS, Oracle Internet Application Server dan Oracle Development Tools untuk tujuan projek pembangunan Sistem Maklumat Pengurusan Pelajar (SMPP).

Di samping menyediakan perkakasan dan rangkaian, beberapa projek bagi membantu usaha melicinkan perjalanan pentadbiran universiti juga telah diadakan. Bahagian Akademik, Pejabat Pendaftar terlibat dalam menyediakan proses kemasukan dan pendaftaran pelajar baru menggunakan Sistem

Informasi Pelajar (Sisip). Melalui sistem ini telah dijalankan pendaftaran masuk pelajar sehingga proses pendaftaran kursus dan peperiksaan semester 1 sesi 2000/2001. Sistem ini akan digantikan dengan Sistem Maklumat Pengurusan Pelajar (SMPP) yang diperolehi daripada pembekal bagi memastikan pengurusan maklumat pelajar yang lebih berkesan untuk sesi 2001/2002 akan datang. Kos perolehan sistem baru ini ialah RM245,000. Dengan ini KUIM akan mempunyai sebuah sistem berasaskan laman web menggunakan RDBMS Oracle 8i yang dipasang dalam sebuah server Compaq Prolaint ML530, 1Gb RAM, 36Gb Hardisk, 1 tape backup system.

Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar pula menggunakan Sistem Maklumat Pengurusan Kakitangan (SEMAT) bagi membantu proses pengambilan kakitangan. Selain itu, penggunaan Sistem Pengurusan Personnel (SISPEN) yang diperolehi daripada JPA telah membantu penyediaan rekod kakitangan, rekod cuti, rekod perkhidmatan dan penilaian prestasi kakitangan KUIM. Pejabat Bendahari menggunakan Sistem Gaji bagi tujuan pemprosesan gaji bulanan, Sistem ERA untuk tujuan merekodkan asset tetap, sistem UBS Accounting sebagai lejer am dan UBS Stock Control sebagai perisian mengawal inventori. Di samping itu terdapat beberapa modul lain dibangunkan untuk kegunaan Pejabat Bendahari seperti, proses Sebutharga, Proses Pembayaran, Akaun Pelajar. Penggunaan aplikasi sistem di jabatan perlu diintegrasikan sepenuhnya bagi meningkatkan perkongsian maklumat. Pada tahun 2001, KUIM perlu menumpukan penggunaan teknologi maklumat dalam usaha untuk memperkenalkan KUIM sebagai institusi pengajian tinggi yang baru. Menerusi laman web rasmi, maklumat dapat disebarkan seluasnya hingga ke peringkat antarabangsa. Usaha perlu dijalankan untuk melatih kakitangan bagi meningkatkan kemahiran dalam pelbagai bidang yang diperlukan seperti pengurusan rangkaian

dan keselamatan, pentadbiran pangkalan data, pembangunan aplikasi, pembinaan laman web, penerbitan bahan multimedia dan penggunaan teknologi terkini.



*Wakil Pelajar menerima sumbangan daripada Pihak Pengurusan KUIM dalam Majlis Perasmian Makmal Komputer KUIM pada 18 November 2000*



Perpustakaan KUIM ditubuhkan bagi menyokong aktiviti pembelajaran dan penyelidikan di KUIM. Sehubungan itu, aktiviti perolehan maklumat dalam bentuk bahan bercetak, pangkalan data atas talian atau fail komputer sedang giat diperolehi.

Selaras dengan hasrat penubuhan KUIM bagi menyediakan persekitaran pembelajaran, penyelidikan dan perkhidmatan yang berteraskan ilmu Islam, maka pembelian bahan-bahan perpustakaan tertumpu kepada buku-buku berbahasa Arab. 60 peratus perbelanjaan pembelian bahan perpustakaan diperuntukkan untuk membeli bahan berbahasa Arab, sementara 40 peratus lagi digunakan untuk membeli bahan berbahasa Melayu dan Inggeris.

Pada peringkat awal, tumpuan pembelian perpustakaan adalah untuk melengkapkan koleksi rujukan utama bagi ketiga-tiga fakulti yang ada, dan bahan perpustakaan yang diperolehi kebanyakannya dalam bahasa Arab. Selain itu bahan-bahan perpustakaan dalam bahasa Melayu juga diperolehi bagi mengukuhkan koleksi perpustakaan.

Belanjawan pembelian buku yang terhad dan kekurangan kakitangan yang berpengalaman mengakibatkan perpustakaan hanya mampu memperolehi 2,345 judul buku (3,700 naskhah), 23 judul majalah, 9 judul video, 9 judul kit dan 4 judul CDROM. Koleksi perpustakaan sebanyak 2,345 judul tidak menepati piawaian yang ditetapkan bagi IPTA yang baru iaitu, universiti baru memerlukan 30,000 naskhah bahan.

Beberapa dasar telah ditetapkan bagi perpustakaan KUIM, di antaranya ialah pengkatalogan adalah berdasarkan AACR 2, pengelasan bahan berdasarkan LCC (Library of Congress Classification) dan tajuk perkara buku ditentukan berdasarkan LCSH (Library of Congress Subject Heading). Dasar-dasar tersebut adalah selari dengan kebanyakan dasar perpustakaan IPTA lain.

Keluasan lantai sebanyak 2,000 kaki persegi hanya mampu menampung 60 tempat duduk. Penambahan ruang lantai adalah perlu bagi menampung 1000 pelajar pada tahun 2001. Pada tahun 2001 dijangkakan perpustakaan KUIM akan dapat menambah keluasan lantai bersesuaian piawaian yang ditetapkan iaitu 2 meter persegi bagi seorang pelajar.

Selain itu, proses pinjaman buku belum dapat dilaksanakan kerana terdapat beberapa masalah seperti jumlah buku yang kecil, masalah kekurangan kakitangan untuk bertugas di kaunter dan beberapa masalah teknikal yang belum dapat diselesaikan.

## PERHUBUNGAN LUAR



SEPANJANG tahun 2000, KUIM telah menerima 2 orang professor pelawat dari luar negara. Mereka ialah Prof. Dr. Amir Syarifuddin dan Prof. Dr. Muhammed Abul Khair Zaki Badawi.

### **Prof. Dr. Amir Syarifuddin**

Beliau merupakan Rektor, Institut Agama Islam Negeri Imam Bonjol, Padang, Indonesia. Kunjungan beliau ialah pada 26 Oktober hingga 3 November 2000.

### **Prof. Dr. Muhammed Abul Khair Zaki Badawi**

Beliau merupakan Presiden, Muslim College di London. Beliau berkunjung ke sini pada 6 hingga 8 November 2000. Tujuan kedatangan mereka ialah untuk menilai kursus akademik yang ditawarkan oleh KUIM.

Menyedari kepentingan mempromosikan KUIM, jadi beberapa langkah telah diambil, contohnya mengedarkan propektus KUIM ke semua institusi pengajian tinggi awam, institusi pengajian tinggi swasta, jabatan kerajaan dan orang perseorangan. Selain itu, diari pengurusan turut dicetak dan telah diedarkan kepada semua jabatan kerajaan dan mereka yang terlibat dalam bidang akademik khususnya.

Bagi meningkatkan lagi usaha promosi KUIM, video korporat telah dibuat bertujuan untuk memberi maklumat kepada pelawat yang datang daripada dalam dan luar negara.

KUIM turut menjalin hubungan baik dengan pihak media dan universiti-universiti luar. Jalinan hubungan yang baik dengan pihak media banyak membantu mempromosikan KUIM di peringkat nasional dan juga luar negara. Hubungan KUIM dengan universiti luar juga sedang dibina terutamanya dengan Muslim College, London selain daripada universiti tempatan. KUIM juga dalam perancangan mengadakan memorandum persefahaman dengan Muslim London College dalam bidang ijazah lanjutan.



*Bersama Tetamu KUIM,  
Prof. Dr. Amir Syarifuddin*



**PENYATA KEWANGAN**  
**2000**  
(Yang Belum Di Audit)

## KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2000

|  | NOTA | 2000<br>RM          |
|--|------|---------------------|
| ASET TETAP                               | 2    | 2,112,262.61        |
| ASET SEMASA                              |      |                     |
| WANG DI TANGAN DAN BAKI DI BANK          | 3    | 1,278,331.49        |
| SIMPANAN TETAP                           | 4    | 2,031,319.66        |
| DEPOSIT DAN BAYARAN TERDAHULU            | 5    | 55,800.00           |
| PELBAGAI PENGHUTANG DAN ASET SEMASA      | 6    | 25,588.00           |
| PENGHUTANG PELAJAR                       | 7    | 289,221.00          |
| STOK                                     | 8    | 67,627.53           |
| JUMLAH ASET SEMASA                       |      | 3,747,887.68        |
| Tolak:                                   |      |                     |
| LIABILITI SEMASA                         |      |                     |
| PEMIUTANG                                | 9    | 596,923.15          |
| JUMLAH LIABILITI SEMASA                  |      | 596,923.15          |
| ASET SEMASA BERSIH                       |      | 3,150,964.53        |
| JUMLAH ASET BERSIH                       |      | <u>5,263,227.14</u> |
| DIBIAYAI OLEH                            |      |                     |
| KUMPULAN WANG PENGURUSAN                 | 10   | 5,129,032.14        |
| PELBAGAI TABUNG DAN AKAUN AMANAH         | 11   | 34,195.00           |
| SKIM LATIHAN KAKITANGAN BUMIPUTRA (SLAB) |      | 100,000.00          |
|  |      | <u>5,263,227.14</u> |



# KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2000




|                                      | <b>2000<br/>RM</b>    |
|--------------------------------------|-----------------------|
| PENDAPATAN                           |                       |
| YURAN PENGAJIAN                      | 648,657.00            |
| LAIN-LAIN PENDAPATAN                 |                       |
| HASIL PERKHIDMATAN                   | 8,366.87              |
| HIBAH                                | 43,136.60             |
| YURAN SEMINAR                        | 21,685.00             |
| <b>JUMLAH PENDAPATAN</b>             | <b>721,845.47</b>     |
| Tolak: PERBELANJAAN                  |                       |
| EMOLUMEN                             |                       |
| GAJI POKOK                           | 745,403.72            |
| IMBUHAN/ELAUN TETAP                  | 361,481.91            |
| SUMBANGAN BERKANUN                   | 47,006.30             |
| ELAUN LEBIH MASA                     | 10,918.64             |
| FAEDAH KEWANGAN YANG LAIN            | 25,648.90             |
| PERKHIDMATAN DAN BEKALAN             |                       |
| PERJALANAN DAN SARAHIDUP             | 11,866.24             |
| PERHUBUNGAN DAN UTILITI              | 80,990.06             |
| SEWAAN                               | 393,276.47            |
| MINYAK KENDERAAN                     | 5,835.94              |
| BEKALAN DAN BAHAN-BAHAN LAIN         | 409,674.13            |
| PENYELENGGARAAN/PEMBAIKAN KECIL YANG | 62,315.02             |
| PERKHIDMATAN IKTISAS/LAIN-LAIN       | 435,700.15            |
| BELANJA SUSUTNILAI                   | 234,695.85            |
| <b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>           | <b>2,824,813.33</b>   |
| <b>UNTUNG/(RUGI) BERSIH</b>          | <b>(2,102,967.86)</b> |

## PENYATA OLEH LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

Kami **DATO' DR. MOHD. YUSOF NOOR** dan **PROF. DATO' DR. ABDUL SHUKOR HJ HUSIN** yang merupakan dua orang daripada Ahli Lembaga Pengarah Universiti Kolej Universiti Islam Malaysia dengan ini menyatakan, bagi pihak Lembaga Pengarah Universiti, bahawa pada pendapat kami Kunci Kira-kira, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan dan Penyata Perubahan dalam Kedudukan Kewangan yang berikut ini berserta yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Kolej Universiti Islam Malaysia pada 31 Disember 2000 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Pengarah Universiti,




Nama : Dato' Dr. Mohd. Yusof Noor

Gelaran : Pengerusi Lembaga Pengarah  
Universiti

Tarikh : 28 Mac 2001

Tempat : *Kolej* Universiti Islam Malaysia.  
Kuala Lumpur

Bagi Pihak Lembaga Pengarah Universiti,




Nama : Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor  
Hj. Husin

Gelaran : Rektor

Tarikh : 28 Mac 2001

Tempat : *Kolej* Universiti Islam Malaysia.  
Kuala Lumpur

# PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA



Saya, **ROHANI BINTI ABU (K.P. 500621 - 07 - 5234)** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Kolej Universiti Islam Malaysia dengan ikhlasnya mengakui bahawa Kunci Kira-kira pada 31 Disember, 2000, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan dan Penyata Perubahan dalam Kedudukan Kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya }  
Diakui oleh penama di atas }  
**ROHANI BINTI ABU** }  
di Kuala Lumpur }  
pada 30 haribulan Mac 2001 }

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAAH



# KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

## NOTA-NOTA KEPADA AKAUN

### TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2000

#### NOTA 1

#### DASAR PERAKAUNAN PENTING

##### **1.1. ASAS PERAKAUNAN**

Penyata Kewangan Universiti ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mematuhi standard perakaunan yang diterima umum.

##### **1.2. ASET TETAP DAN SUSUTNILAI**

- a. Aset tetap dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai pada tahun semasa
- b. Setiap unit aset tetap yang memenuhi kriteria-kriteria aset tetap dari segi kos usia guna melebihi satu tahun akan dipermodalkan. Aset tetap yang tidak memenuhi kriteria-kriteria aset tetap akan diambilkira sebagai perbelanjaan tahun semasa.
- c. Susutnilai bagi aset tetap dikira berasaskan kaedah garis lurus ke atas anggaran usia guna aset. Susutnilai dikira secara bulanan dalam tahun perolehan atau pembelian.
- d. Kadar susutnilai tahunan aset tetap adalah seperti berikut:

|                     |     |
|---------------------|-----|
| Ubahsuai Bangunan   | 20% |
| Perabot & Pasangan  | 20% |
| Mesin Alat Pejabat  | 20% |
| Kenderaan & Jentera | 20% |
| Alat-alat Lain      | 20% |

##### **1.3 STOK**

Stok adalah terdiri daripada stok alatulis dan bekalan pejabat diambil kira pada harga kos.

## NOTA 2

### ASET TETAP

| PERKARA             | UBAHSUAI BANGUNAN | KENDERAAN DAN JENTERA | KOMPUTER DAN RANGKAIAN | MESIN/ ALAT PEJABAT | PERABOT DAN PASANGAN | ALAT-ALAT LAIN | JUMLAH              |
|---------------------|-------------------|-----------------------|------------------------|---------------------|----------------------|----------------|---------------------|
|                     | RM                | RM                    | RM                     | RM                  | RM                   | RM             | RM                  |
| Tahun Semasa        | 114,391.10        | 1,039,354.00          | 562,740.00             | 173,273.00          | 360,800.50           | 96,399.86      | <b>2,346,958.46</b> |
| <u>SUSUTNILAI</u>   |                   |                       |                        |                     |                      |                |                     |
| Tahun Semasa        | 11,439.11         | 103,935.40            | 56,274.00              | 17,327.30           | 36,080.05            | 9,639.99       | <b>234,695.85</b>   |
| <u>NILAI BERSIH</u> |                   |                       |                        |                     |                      |                |                     |
| Tahun Semasa        | 102,951.99        | 935,418.60            | 506,466.00             | 155,945.70          | 324,720.45           | 86,759.87      | <b>2,112,262.61</b> |

### NOTA 3

#### TUNAI DAN BANK

Terdiri daripada

|                                 | <u>Tahun 2000</u><br>(RM)  |
|---------------------------------|----------------------------|
| i) Wang Runcit                  | 500.00                     |
| ii) Akaun Bank Pengurusan Induk | 1,277,831.49               |
|                                 | <u><u>1,278,331.49</u></u> |

### NOTA 4

#### SIMPANAN TETAP

Bagi mendapatkan pulangan faedah yang maksima ke atas wang tunai yang tersimpan, pelaburan telah dibuat dalam Simpanan Tetap di sebuah institusi kewangan tempatan seperti berikut:

|  | <u>Tahun 2000</u><br>(RM)  |
|--|----------------------------|
| Jumlah Pelaburan                                   | 2,000,000.00               |
| Campur: Pulangan faedah/hibah<br>Pada tahun semasa | 31,319.66                  |
| Jumlah pelaburan pada 31/12/2000                   | <u><u>2,031,319.66</u></u> |

**NOTA 5**

**DEPOSIT DAN BAYARAN TERDAHULU**

Terdiri daripada:

|                     | <b><u>Tahun 2000</u></b><br><b>(RM)</b> |
|---------------------|---|
| i) Deposit Elektrik | 3,000.00                                |
| ii) Deposit Sewa    | 52,800.00                               |
|                     | <b><u>55,800.00</u></b>                 |

**NOTA 6**

**PELBAGAI PENGHUTANG DAN ASET SEMASA**

Terdiri daripada:

|                                      | <b><u>Tahun 2000</u></b><br><b>(RM)</b> |
|--------------------------------------|---|
| i) Penghutang Pendahuluan Kakitangan | 23,246.80                               |
| ii) Penghutang Pendahuluan MPP       | 2,342.00                                |
|                                      | <b><u>25,588.80</u></b>                 |

## NOTA 7

### PENGHUTANG PELAJAR

Terdiri daripada:

|                                    | <u>Tahun 2000</u><br>(RM)            |
|------------------------------------|--------------------------------------|
| i) PTPTN (Bank Bumiputra Commerce) | 261,174.50                           |
| ii) Penghutang Yuran Pengajian     | 26,848.00                            |
| iii) Penghutang Tabung Kecemasan   | 1,198.50                             |
|                                    | <hr/> <b><u>289,221.00</u></b> <hr/> |

## NOTA 8

### STOK

Terdiri daripada:

|                                   | <u>Tahun 2000</u><br>(RM)           |
|-----------------------------------|-------------------------------------|
| i) Alat tulis dan bekalan pejabat | 67,627.53                           |
|                                   | <hr/> <b><u>67,627.53</u></b> <hr/> |



## NOTA 9

### PEMIUTANG

Terdiri daripada:

|                  | <u>Tahun 2000</u><br>(RM) |
|------------------|---------------------------|
| i) Pembekal Luar | 596,923.15                |
|                  | <u><u>596,923.15</u></u>  |

## NOTA 10

### KUMPULAN WANG PENGURUSAN

|   | <u>Tahun 2000</u><br>(RM)  |
|---|----------------------------|
| Kumpulan Wang Pengurusan Yang Diterima                              | 7,232,000.00               |
| Tolak: Untung/(Rugi) dari<br>Penyata Pendapatan dan<br>Perbelanjaan | (2,102,967.86)             |
| Baki pada 31/12/2000  | <u><u>5,129,032.14</u></u> |

## NOTA 11

### PELBAGAI TABUNG DAN AKAUN AMANAH

Terdiri daripada:

|   | <u>Tahun 2000</u><br><u>(RM)</u> |
|---|----------------------------------|
| i) Tabung Biasiswa                      | 22,115.00                        |
| ii) Program Pembangunan Sahsiah Pelajar | 8,400.00                         |
| iii) Tabung Pengetua                    | 2,705.00                         |
| iv) Tabung Kebajikan Pelajar            | 975.00                           |
|   | <hr/> <b>34,195.00</b> <hr/>     |